

Cantuman biak kemboja

KEMBOJA antara tanaman yang mampu menyerlahkan suasana semula jadi di laman kediaman anda.

Jika dulu, kemboja sering dikaitkan dengan situasi sedih atau suram, kini ia dipelbagaikan mengikut kesesuaian dan tema laman.

Kepelbagaian warna bunganya juga memberikan keceriaan dan keharmonian sepanjang masa bagaikan terapi terbaik. Keadaannya yang mudah dijaga dan mempunyai karakter daun dan bunga yang tersendiri membuatkan kemboja kian diminati.

Berikut antara kaedah teknik cantuman pada induk lain untuk pembiakan kemboja berdasarkan kreativiti Melati Evergreen Enterprise di No PT

8734, Jalan Langkawi, Setapak, Kuala Lumpur.

Sediakan bahan-bahan:

-dua pokok kemboja yang berbeza induk seperti berbunga merah jambu (pokok menunggu) dan merah (pokok mendatang),

-'sealing film'

-peralatan berkebun seperti pisau dan gunting.

Langkah 1

-Potong dengan pisau tunas atas pokok menunggu dengan teliti.

Langkah 2

-Potong ranting pokok mendatang secara serong pada kedua belah bahagian bagi memudahkan proses cantuman.

Langkah 3

-Belah batang pokok

menunggu berdasarkan saiz ranting pokok mendatang.

Langkah 4

-Selepas ranting dicantumkan, balut dengan `sealing film' hingga menutup seluruh bahagian yang dicantumkan tadi dengan teliti.

-Apabila semua proses cantuman selesai, letakkan kemboja itu di tempat teduh.

>Info

- Kemboja perlu disiram sekurang-kurangnya sekali sehari
- Ia tidak sesuai diletakkan dalam rumah
- Tumbuhannya memerlukan cahaya matahari